



NEGERI SABAH

[JPAN: 700-3/1 Jld. 3(3)]

PEKELILING PERKHIDMATAN NEGERI SABAH BIL. 5/2022

PELAKSANAAN PELARASAN GAJI KE GAJI PERMULAAN BAGI MENGANTIKAN PEMBERIAN HADIAH PERGERAKAN GAJI (HPG)

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan memaklumkan keputusan Kerajaan memberikan pelarasan gaji ke gaji permulaan bagi menggantikan pemberian Hadiah Pergerakan Gaji (HPG) kepada pegawai dalam skim-skim perkhidmatan yang ditetapkan yang memiliki kelayakan akademik lebih tinggi dalam perkhidmatan. Pekeliling ini dikeluarkan selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 2019.

LATAR BELAKANG

2. HPG diperkenalkan pada 1 Oktober 1993 di bawah pelaksanaan Sistem Saraan Baru (SSB) yang bertujuan mengatasi masalah pelangkauan gaji di gred lantikan. HPG dilaksanakan melalui peraturan-peraturan berikut :

- i. Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil. 4/1997;

“SABAH MAJU JAYA”

- ii. Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil. 5/1997;
- iii. Perenggan 9, Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil. 2/2006 ;
- iv. Perenggan 1.8, Surat Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil. 2/2007; dan
- v. Perenggan 1.20, Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil. 6 /2010.

3. Semenjak HPG dilaksanakan, pelbagai penambahbaikan dilaksanakan oleh Kerajaan terhadap skim-skim perkhidmatan antaranya perubahan syarat lantikan dan gred jawatan. Selain itu, pelbagai kemudahan dan faedah dalam perkhidmatan telah disediakan Kerajaan untuk pegawai awam. Justeru, Kerajaan berhasrat untuk merasionalisasikan dasar dan pelaksanaan HPG sedia ada.

DASAR BAHARU

4. Kerajaan telah membuat ketetapan supaya pemberian HPG digantikan dengan pelaksanaan pelarasan gaji ke gaji permulaan kepada pegawai lantikan tetap yang memiliki kelayakan akademik yang lebih tinggi di gred lantikan bagi skim-skim perkhidmatan yang ditetapkan.

5. Pemberian pelarasan gaji adalah berdasarkan perbezaan gaji akhir pegawai dengan gaji permulaan kelayakan akademik lebih tinggi yang ditetapkan dalam syarat-syarat skim perkhidmatannya.

TAFSIRAN

6. Bagi maksud Pekeliling Perkhidmatan ini:

"gaji akhir" bermaksud gaji yang telah mengambil kira Pergerakan Gaji Tahunan (PGT) pada tahun pegawai memperoleh kelayakan lebih tinggi.

“SABAH MAJU JAYA”

"tarikh memperoleh kelayakan akademik lebih tinggi" bermaksud tarikh rasmi keputusan kelayakan diluluskan oleh pihak berkuasa institusi pengajian tinggi berkenaan.

PELAKSANAAN

7. Pemberian pelarasan gaji ini diperuntukkan kepada skim-skim perkhidmatan berikut:

Bil	Skim Perkhidmatan	Gred
1.	Pensyarah Universiti	DS45
2.	Pensyarah UiTM	DM45
3.	Pegawai Penyelidik	Q41
4.	Pegawai Psikologi	S41
5.	Pegawai Teknologi Maklumat	F41

8. Pelaksanaan pelarasan gaji ini diberikan mengikut kelayakan akademik seperti yang ditetapkan dalam syarat-syarat lantikan skim perkhidmatan berkenaan.

9. Pegawai yang gajinya belum melepasi gaji permulaan kelayakan akademik lebih tinggi yang diperolehi, layak menerima pelarasan gaji mengikut keadaan seperti yang berikut:

- a) jika gaji akhir pegawai belum melepasi gaji permulaan kelayakan akademik lebih tinggi dan pegawai telah mendapat PGT, maka pegawai diberi pelarasan gaji ke gaji permulaan tersebut. Amaun pelarasan gaji adalah berdasarkan perbezaan gaji akhir pegawai dengan gaji permulaan kelayakan

akademik lebih tinggi yang ditetapkan dalam syarat-syarat lantikan skim perkhidmatannya. Contoh pelarasan gaji adalah seperti di **Lampiran A**; atau

b) jika gaji pegawai belum melepasi gaji permulaan kelayakan akademik lebih tinggi dan pegawai belum mendapat PGT, maka PGT pegawai hendaklah diawalkan ke tarikh memperoleh kelayakan akademik lebih tinggi tersebut dan sekiranya selepas diberikan PGT.

i. gaji akhir pegawai masih belum melepasi gaji permulaan kelayakan akademik lebih tinggi, pegawai diberi pelarasan gaji ke gaji permulaan tersebut. Amaun pelarasan gaji adalah berdasarkan perbezaan gaji akhir pegawai dengan gaji permulaan kelayakan akademik lebih tinggi yang ditetapkan dalam syarat-syarat lantikan skim perkhidmatannya. Contoh pelarasan gaji adalah seperti di **Lampiran B**; atau

ii. gaji akhir pegawai telah melepasi gaji permulaan kelayakan akademik lebih tinggi, maka tiada pelarasan gaji diberikan. Contoh pelarasan gaji adalah seperti di **Lampiran C**.

iii. PGT yang diawalkan dalam keadaan di perenggan 9(b)(i) dan 9(b)(ii) hanya dilaksanakan pada tahun pegawai memperoleh kelayakan akademik lebih tinggi tersebut sahaja. PGT pegawai hendaklah kekal mengikut Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) asal pada tahun-tahun berikutnya. Pemberian PGT adalah tertakluk kepada perakuan Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM).

10. Pegawai yang gaji akhirnya sama atau telah melebihi gaji permulaan kelayakan akademik lebih tinggi, maka pegawai tidak layak diberikan apa-apa pelarasan gaji. Contoh situasi pegawai adalah seperti di **Lampiran D**.

TANGGUNGJAWAB PEGAWAI

11. Pegawai hendaklah mengemukakan salinan transkrip penuh keputusan pengajian dan surat pengesahan tamat pengajian kepada Pengurusan Sumber Manusia (PSM) agensi selewat-lewatnya enam (6) bulan daripada tarikh memperoleh kelayakan akademik lebih tinggi.

TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN

12. Ketua Jabatan hendaklah bertanggungjawab mempertimbangkan permohonan pelarasan gaji ke gaji permulaan kelayakan akademik lebih tinggi serta memastikan urusan berkaitan dilaksanakan dengan teratur dan mematuhi peraturan sedia ada yang berkuat kuasa.

13. Kelulusan pelarasan gaji hendaklah dicatatkan di dalam Kenyataan Perkhidmatan pegawai dan direkod dalam Sistem Maklumat Sumber Manusia (SM2).

KEKECUALIAN

14. Pegawai yang sedang dalam pengajian, telah mendapat tawaran pembiayaan pengajian atau tawaran pengajian sebelum 1 Januari 2020 akan mengguna pakai dasar sedia ada sebelum berkuat kuasanya Pekeliling Perkhidmatan ini. Contoh pemberian HPG adalah seperti di **Lampiran E**.

PEMBATALAN

15. Dengan berkuat kuasanya Pekeliling Perkhidmatan ini, maka peraturan-peraturan berikut adalah dibatalkan kecuali bagi pegawai yang dijelaskan di perenggan 14 di atas:

- i. Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil. 4/1997;
- ii. Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil. 5/1997
- iii. Perenggan 9, Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil. 2/2006 ;
- iv. Perenggan 1.8, Surat Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil. 2/2007; dan
- v. Perenggan 1.20, Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil. 6 /2010.

TARIKH KUAT KUASA

16. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

PEMAKAIAN

17. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Pihak Berkuasa Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(DATUK SERI PANGLIMA Sr. HAJI SAFAR BIN UNTONG, JP)

Setiausaha Kerajaan Negeri

Tarikh: 16 JUN 2022

“SABAH MAJU JAYA”

s.k.: Setiausaha Tetap
Kementerian Kewangan Negeri Sabah
Blok C, Menara Kinabalu
Jalan Teluk Likas, Tanjung Lipat
88400 KOTA KINABALU

Bendahari Negeri
Jabatan Bendahari Negeri Sabah
Level 8,9,10 dan 11, Blok A
Menara Kinabalu
Jalan Teluk Likas, Tanjung Lipat
88400 KOTA KINABALU

Diedarkan kepada: Semua Setiausaha Tetap Kementerian Negeri
Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun Negeri
Semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri
Semua Pegawai Daerah
Semua Penolong Pegawai Daerah, Daerah Kecil

“SABAH MAJU JAYA”

LAMPIRAN A

PEGAWAI YANG LAYAK MENERIMA PELARASAN GAJI KERANA GAJI AKHIRNYA BELUM MELEPASI GAJI PERMULAAN KELAYAKAN AKADEMIK LEBIH TINGGI YANG DIPEROLEHI

Contoh : Pelarasan ke gaji permulaan selepas Tarikh Pergerakan Gaji (TPG)

Pensyarah Universiti Gred DS45

Gaji permulaan Sarjana : RM3,070
 Gaji permulaan PhD : RM3,380.37
 Kadar KGT DS45 : RM255
 Tarikh Lantikan : 22 Jun 2020
 Tarikh Pergerakan Gaji : 1 April

Pensyarah Universiti Gred DS45 yang dilantik dengan kelayakan Ijazah Sarjana Perakaunan. Pegawai memperoleh Ijazah Doktor Falsafah (PhD) Perakaunan pada 1 Jun 2021.

Tarikh	Gaji (RM)	Catatan
1 Februari 2018	-	Pegawai memulakan pengajian PhD
22 Jun 2020	3,070	Pegawai dilantik ke Gred DS45 ditawarkan gaji permulaan ijazah sarjana.
1 April 2021	3,325 (3,070 + 255)	Diberi PGT mengikut keputusan PPSM.
1 Jun 2021	3,380.37 (3,325 + 55.37)	Pegawai memperoleh kelayakan akademik lebih tinggi (PhD). Gaji akhir pegawai (RM3,325) adalah lebih rendah dari gaji permulaan PhD (RM3,380.37) sebanyak RM55.37. Pelarasan gaji diberikan kerana gaji akhir pegawai belum melepasi gaji permulaan PhD. TPG pegawai tidak berubah.
1 April 2022	3,635.37 (3,380.37 + 255)	Diberi PGT mengikut keputusan PPSM. TPG pegawai kekal pada 1 April.

LAMPIRAN B

**PEGAWAI YANG DIAWALKAN PEMBERIAN PGT DAN LAYAK
MENERIMA PELARASAN GAJI KERANA GAJI AKHIRNYA BELUM
MELEPASI GAJI PERMULAAN KELAYAKAN AKADEMIK LEBIH
TINGGI**

Contoh : Pelarasan gaji permulaan **sebelum** Tarikh Pergerakan Gaji (TPG)

Pensyarah Universiti Gred DS45

Gaji permulaan Sarjana : RM3,070
 Gaji permulaan PhD : RM3,380.37
 Kadar KGT DS45 : RM255
 Tarikh Lantikan : 12 Oktober 2020
 Tarikh Pergerakan Gaji : 1 Oktober

Pensyarah Universiti Gred DS45 yang dilantik dengan kelayakan Ijazah Sarjana Perakaunan. Pegawai memperoleh ijazah doktor falsafah (PhD) Perakaunan pada 1 Ogos 2021.

Tarikh	Gaji (RM)	Catatan
1 Mei 2018	-	Pegawai memulakan pengajian PhD
12 Oktober 2020	3,070	Pegawai dilantik ke Gred DS45 ditawarkan gaji permulaan ijazah sarjana.
1 Ogos 2021	3,325 (3,070 + 255)	Pegawai memperoleh kelayakan akademik lebih tinggi (PhD). TPG pegawai diawalkan ke tarikh pegawai memperoleh kelayakan akademik yang lebih tinggi. Diberi PGT mengikut keputusan PPSM.
	3,380.37 (3,325 + 55.37)	Gaji akhir pegawai (RM3,325) adalah lebih rendah dari gaji permulaan PhD (RM3,380.37) sebanyak RM55.37. Pelarasan gaji diberikan kerana gaji akhir pegawai belum melebihi gaji permulaan PhD.
1 Oktober 2022	3,635.37 (3,380.37 + 255)	Diberi PGT mengikut keputusan PPSM. TPG pegawai kekal pada 1 Oktober.

**PEGAWAI YANG DIAWALKAN PEMBERIAN PGT TETAPI TIDAK
LAYAK MENERIMA PELARASAN GAJI KERANA GAJI AKHIRNYA
TELAH MELEPASI GAJI PERMULAAN KELAYAKAN AKADEMIK LEBIH
TINGGI**

Pegawai Penyelidik Gred Q41

Gaji permulaan Sarjana	:	RM2,833.78
Gaji permulaan PhD	:	RM3,145.11
Kadar KGT Q41	:	RM225
Tarikh Lantikan	:	20 November 2019
Tarikh Pergerakan Gaji	:	1 Oktober

Pegawai Penyelidik Gred Q41 yang dilantik dengan kelayakan Ijazah Sarjana Sains. Pegawai memperolehi ijazah doktor falsafah (PhD) pada 1 Mei 2021.

Tarikh	Gaji (RM)	Catatan
20 November 2019	2,833.78	Pegawai dilantik ke Gred Q41 ditawarkan gaji permulaan ijazah sarjana.
1 Oktober 2020	3,058.78 (2,833.78 + 225)	Diberi PGT mengikut keputusan PPSM.
1 Mei 2021	3,283.78 (3,058.78 + 225)	Pegawai memperolehi kelayakan akademik lebih tinggi (PhD). TPG pegawai diawalkan ke tarikh pegawai memperolehi kelayakan akademik yang lebih tinggi. Diberi PGT mengikut keputusan PPSM.
	3,283.78	Gaji akhir pegawai (RM3,283.78) adalah lebih tinggi dari gaji permulaan PhD (RM3,145.11). Tiada pelarasan gaji diberikan kerana gaji akhir pegawai telah melepasi gaji permulaan PhD.
1 Oktober 2022	3,508.78 (3,283.78 + 225)	Diberi PGT mengikut keputusan PPSM. TPG pegawai kekal pada 1 Oktober.

LAMPIRAN D

PEGAWAI YANG TIDAK LAYAK MENERIMA PELARASAN GAJI KERANA GAJI AKHIRNYA TELAH MELEPASI GAJI PERMULAAN KELAYAKAN AKADEMIK LEBIH TINGGI YANG DIPEROLEHI

Pegawai Penyelidik Gred Q41

Gaji permulaan Sarjana	:	RM2,833.78
Gaji permulaan PhD	:	RM3,145.11
Kadar KGT Q41	:	RM225
Tarikh Lantikan	:	20 April 2020
Tarikh Pergerakan Gaji	:	1 April

Pegawai Penyelidik Gred Q41 yang dilantik dengan kelayakan Sarjana Sains pada 20 April 2020. Pegawai memperoleh ijazah doktor falsafah (PhD) pada 1 Mei 2023.

Tarikh	Gaji (RM)	Catatan
20 April 2020	2,833.78	Pegawai dilantik ke Gred Q41 ditawarkan gaji permulaan ijazah sarjana.
1 September 2020	2,833.78	Pegawai memulakan pengajian PhD/ditawarkan pembiayaan pengajian
1 April 2021	3,058.78 (2,833.78 + 225)	Diberi PGT mengikut keputusan PPSM.
1 April 2022	3,283.78 (3,058.78 + 225)	Diberi PGT mengikut keputusan PPSM.
1 April 2023	3,508.78 (3,283.78 + 225)	Diberi PGT mengikut keputusan PPSM. TPG pegawai kekal pada 1 April.
1 Mei 2023	3,508.78	Pegawai memperoleh kelayakan akademik lebih tinggi (PhD). Gaji akhir pegawai (RM3,508.78) adalah lebih tinggi dari gaji permulaan PhD (RM3,145.11). Tiada pelarasan gaji diberikan kerana gaji akhir pegawai telah melebihi gaji permulaan PhD.
1 April 2024	3,733.78 (3,508.78 + 225)	Diberi PGT mengikut keputusan PPSM. TPG pegawai kekal pada 1 April.

PEGAWAI YANG LAYAK MENERIMA HADIAH PERGERAKAN GAJI

Pegawai Psikologi Gred S41

Gaji permulaan Ijazah Sarjana Muda Psikologi	:	RM2,281.86
Gaji permulaan Sarjana	:	RM2,690.70
Kadar KGT S41	:	RM225
Tarikh Lantikan	:	2 Mei 2018
Tarikh Pergerakan Gaji	:	1 April

Pegawai Psikologi Gred S41 melanjutkan pelajarannya ke peringkat Sarjana dalam bidang psikologi klinikal pada 10 September 2019 dan tamat pengajian pada 18 Jun 2021. Tarikh Senat Universiti meluluskan pengurniaan Ijazah Sarjana Psikologi Klinikal adalah pada 8 Ogos 2021.

Tarikh	Gaji (RM)	Catatan
2 Mei 2018	2,281.86	Pegawai dilantik ke Gred S41 ditawarkan gaji permulaan Ijazah Sarjana Muda Psikologi.
1 April 2019	2,506.86 (2,281.86 + 225)	Diberi PGT mengikut keputusan PPSM.
10 September 2019	2,506.86	Pegawai memulakan pengajian Sarjana / ditawarkan pengajian pembiayaan.
1 April 2020	2,731.86 (2,506.86 + 225)	Diberi PGT mengikut keputusan PPSM.
1 April 2021	2,956.86 (2,731.86 + 225)	Diberi PGT mengikut keputusan PPSM.
8 Ogos 2021	3,181.86 (2,956.86 + 225)	Pegawai memperolehi kelayakan akademik lebih tinggi (Ijazah Sarjana) mengikut kelulusan Senat Universiti. Pegawai layak diberikan satu (1) HPG yang bersamaan dengan 1 KGT (RM225) mengikut perenggan 1.20, Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil. 6 Tahun 2010 kerana telah memulakan pengajian sebelum 1 Januari 2020. TPG pegawai berubah ke 1 Julai pada tahun berikutnya.
1 Julai 2022	3,406.86 (3,181.86 + 225)	TPG baru pegawai. Diberi PGT mengikut keputusan PPSM.